

Dakwa Melayu bakal hilang kuasa

Polis selesai ambil keterangan Muhyiddin

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) selesai mengambil kenyataan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin susulan dakwaan dikeluarkannya berkaitan orang Melayu akan hilang kuasa ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram, Johor, awal bulan ini.

Bekas Perdana Menteri itu hadir dengan memakai baju hitam, tiba di pejabat Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di Jalan Sentral di sini pada jam 9.15 pagi bagi urusan terabit, semalam.

Selepas hampir tiga jam di bangunan berkenaan, Muhyiddin keluar bersama pengiringnya pada jam 11.58 pagi dan tersenyum sambil melambai kepada wartawan yang membuat liputan.

Bagaimanapun, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh itu, tidak membuat sebarang kenyataan kepada media.

Sebelum ini media melaporkan, tindakan polis itu dilakukan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (US JT)

mikit Aman mengikut Seksyen 4(A) Akta Kesalahan Pilihan Raya dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998.

Pada 3 September lalu, beliau yang juga Presiden BERSATU dikatakan mengeluarkan kenyataan berbau perkauman dalam ceramah kempen DUN Simpang Jeram, Johor.

Ucapannya itu turut dikongsi di Facebook yang mana mengandungi dakwaan Melayu pada masa ini tidak lagi menguasai kerajaan.

Sementara itu PDRM mengesahkan mengambil keterangan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Zaid Ibrahim semalam.

Perkara berkenaan disahkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain kepada *BH*.

Kelmarin, Mohd Zaid menerusi ciapan di X berkata, beliau akan disoal siasat mengikut Seksyen 223 Akta Hasutan namun tidak menyatakan akan disiasat berkaitan isu apa.

Muhyiddin keluar dari pejabat MIDA selepas memberi kenyataan, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

